

Tertuduh didapati bersalah tunggu, tangkap dan perkosa gadis di dalam Alphard

# Rogol: Pemuda dijel 25 tahun

Kosmo 27/4/12 MSJ.

Oleh WAZIHA WAHID  
waziha@kosmo.com.my

**AMPANG JAYA** – Seorang pemuda terpaksa merengkok di dalam penjara sehingga 25 tahun dan dihukum tujuh kali sebatan selepas Mahkamah Sesyen di sini semalam menyabitkan bekas jurujual itu bersalah merogol seorang pelajar berusia 15 tahun di dalam kenderaan Toyota Alphard pada tahun lalu.

Hakim Roszianayati Ahmad memutuskan hukuman itu terhadap Khairul Ivan Iqmal Khairul Azizan Saw, 23, selepas berpendapat pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melangkaui keraguan munasabah.

“Kesalahan dilakukan adalah kejam, kamu tunggu, tangkap dan rogol. Gadis-gadis muda perlu dilindungi daripada kamu. Oleh

itu kamu perlu diasingkan daripada masyarakat untuk satu tempoh yang lama sebagai pengajaran,” katanya.

Malang berganda apabila mahkamah turut menolak permohonan peguam Rosnan Hassan yang mewakili Khairul Ivan supaya hukuman penjara ditangguhkan sehingga rayuan selesai di Mahkamah Tinggi.

Sejurus selesai prosiding, ibu tertuduh menitiskan air mata sambil memeluk anaknya yang tidak menunjukkan reaksi sebaliknya hanya berdiam diri di dalam kandang pesalah dengan mulut berkumat-kamit membaca sesuatu.

Khairul Ivan kemudian terus dibawa ke Penjara Kajang oleh anggota polis.

Dia didakwa merogol mangsa dalam sebuah kenderaan jenis Toyota Alphard berwarna putih milik ibunya

“Kesalahan dilakukan kejam, kamu tunggu, tangkap dan rogol. Kamu perlu diasingkan daripada masyarakat untuk satu tempoh yang lama

**HAKIM ROSZIANAYATI AHMAD**

di tepi Jalan Kosas 3/9, Ampang Jaya di sini pada pukul 11 pagi, 11 Mei 2011.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dihukum penjara maksimum 30 tahun dan sebatan mengikut Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh mengekori remaja terbabit yang sedang berjalan kaki seorang diri, kemudian memberhentikan kenderaan di hadapan mangsa sebelum menarik-

nya masuk ke dalam kereta lalu merogolnya.

Dalam penghakimannya, Roszianayati percaya keterangan mangsa bahawa dirinya ditarik masuk ke dalam kenderaan dan dirogol tertuduh adalah terlalu kuat dan meyakinkan tanpa perlu bukti sokongan.

“Gadis itu sedang berjalan seorang diri pada pukul 11 pagi di kawasan perumahan yang selamat tetapi dia ditarik masuk ke dalam kenderaan yang bercermin gelap malah menjadi tahanan kamu dan dipaksa menanggalkan baju lalu dirogol,” katanya.

Jelas Roszianayati, saksi polis yang mengetuk pintu kenderaan nampak tertuduh bertelanjang manakala saksi lain iaitu pasangan suami isteri melihat gadis itu melarikan diri dalam keadaan bogel sambil menangis.

“Saya enggan percaya dakwaan bahawa kamu digoda mangsa malah menuduh mangsa sengaja memasukkan jari ke dalam dubur sendiri. Tidak mungkin gadis yang baru dikenali boleh merosakkan dirinya dan cubaan kamu untuk menyalah-



**KHAIRUL IVAN** ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Ampang Jaya, Ampang atas tuduhan merogol seorang gadis pada Mei 2011.

kan mangsa telah gagal,” katanya

Sementara itu, peguam Rosnan merayu supaya anak guam tidak dipenjarakan dan disebut sebaliknya hanya dikenakan bon berkelakuan baik selepas mengambil kira perbuatan itu disebabkan kesan trauma dan penderaan yang dialami tertuduh sejak kecil.

“Tertuduh mangsa perceraan ibu bapa dan sejak lahir hingga usia 12 tahun telah ditinggal oleh ibu bapa, dia didera mental dan fizikal sehingga membenci pada diri sendiri,” katanya

sambil menambah, ibu tertuduh telah pulang dari luar negara semata-mata untuk menjaga anaknya.

Timbalan Pendakwa Raya, Noor Fadzlin Ab. Zawawi membantah hujahan peguam kerana beranggapan tertuduh sudah cukup dewasa untuk membezakan apa yang salah dan dakwaan sebagai mangsa dera bukan alasan untuk menganiaya orang lain.

Seramai 12 orang saksi pendakwaan memberi keterangan dengan tertuduh satu-satunya saksi untuk membela diri.